



LAPORAN TAHUNAN 2018

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SABAH & SARAWAK



**KANDUNGAN LAPORAN TAHUNAN
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP)
BAGI TAHUN 2018**

MAKLUMAT KORPORAT

Latar Belakang LPKP	1
Visi dan Misi	1
Objektif	2
Teras Strategi	2
Bidang Kuasa dan Fungsi	3

LAPORAN LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK 4

Perutusan Pengarah	5
Maklumat Ahli Lembaga	6-11
Piagam Pelanggan	12
Laporan Bahagian Pelesenan	13-22
Laporan Bahagian Penguatkuasa	23-26
Laporan Bahagian Pengurusan	27-29
Aktiviti-Aktiviti LPKP Sarawak Bagi Tahun 2018	30-37
Prospek	38
Penutup	38
Maklumat Perhubungan LPKP Sarawak	39
Lampiran	40-47

LAPORAN LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH 48

Perutusan Pengarah	49-50
Maklumat Ahli Lembaga	51-55
Piagam Pelanggan	56
Laporan Bahagian Pelesenan	57-61
Laporan Bahagian Penguatkuasa	62-65
Laporan Bahagian Pengurusan	66-72
Prospek	73
Penutup	74
Maklumat Perhubungan LPKP Sabah	75
Lampiran	76-84

MAKLUMAT KORPORAT**A. LATAR BELAKANG LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN**

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3, Akta LPKP 1987 (Akta 334) dan bertanggungjawab untuk melaksana Akta LPKP 1987 (Akta 334) dan Kaedah-Kaedah yang telah diperuntukkan di bawahnya.

Pada tahun 2018, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah telah diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia bagi menguatkuasakan Akta LPKP 1987 (Akta 334).

Ibu Pejabat LPKP Sarawak terletak di Kuching dan mempunyai dua (2) buah pejabat cawangan iaitu di Sibul dan Miri.

Manakala Ibu Pejabat LPKP Sabah terletak di Kota Kinabalu dan turut mempunyai dua (2) buah pejabat cawangan iaitu di Tawau dan Sandakan.

B. VISI & MISI**VISI**

“Peneraju Transformasi Perkhidmatan Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bertaraf Dunia”

MISI

“Memastikan Perkhidmatan Pelesenan Kenderaan Perdagangan Berdaya Saing Tinggi, Telus, Berintegriti Dan Bersepadu”

C. OBJEKTIF

- a. Merancang dan mewujudkan dasar dan syarat-syarat pelesenan kenderaan perdagangan.
- b. Melaksana dasar, polisi dan syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan.
- c. Menggalakkan pelanggan yang berpotensi untuk berlesen dengan LPKP.
- d. Memantau dan menilai impak pelaksanaan dasar, polisi dan syarat-syarat pelesenan.
- e. Mempertimbangkan dan meluluskan permohonan baharu, membaharui dan ubah syarat lesen kenderaan perdagangan berdasarkan keperluan semasa.
- f. Melaksanakan undang-undang di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334) dan kaedah-kaedah berkenaan.
- g. Memantau pematuhan undang-undang oleh pengusaha kenderaan perdagangan.
- h. Menyelesaikan aduan masyarakat terhadap perkhidmatan kenderaan perdagangan.
- i. Meningkatkan aspek-aspek keselamatan, keselesaan dan keceriaan pengangkutan awam

D. TERAS STRATEGI

- i. Mewujudkan peluang perniagaan melalui pemberian lesen kenderaan perdagangan kepada organisasi atau individu yang berkelayakan dan berminat dalam bidang ini.
- ii. Memberi latihan dan khidmat nasihat kepada pengusaha kenderaan perdagangan melalui kursus dan dialog bagi mengembangkan budaya keusahawanan dan meningkatkan kefahaman mereka tentang dasar serta peraturan baru LPKP.
- iii. Mewujudkan dasar dan peraturan baru bagi melindungi hak dan kepentingan pengusaha serta pengguna
- iv. Mewujudkan suasana yang kondusif bagi melahirkan usahawan berdaya saing supaya kekal dan lebih kreatif dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan.

E. BIDANG KUASA DAN FUNGSI

Bidang kuasa dan fungsi LPKP sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334) adalah seperti berikut:

- Menimbang dan meluluskan permohonan untuk mendapatkan lesen baru, membaharui dan ubahsyarat bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan di seluruh negeri Sabah dan Sarawak;
- Mengenakan syarat-syarat ke atas semua kelas lesen kenderaan perdagangan yang meliputi penetapan kadar tambang, penentuan peringkat tambang, jadual perjalanan, bilangan penumpang, kawasan operasi, berat dan jenis barang-barang, hal-hal pengendalian dan syarat-syarat khas yang lain;
- Menggantung, membatalkan atau mengenakan apa-apa hukuman yang sesuai atas mana-mana kelas lesen kenderaan perdagangan yang disabitkan kesalahan melanggar syarat lesen atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta LPKP 1987 (Akta 334) serta kaedah-kaedah yang diperbuat di bawahnya serta undang-undang lain yang berkuatkuasa;
- Menentukan tempoh kuatkuasa lesen bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan;
- LPKP Sarawak : Melesenkan kenderaan perdagangan dari Sabah, Brunei, dan Kalimantan Barat Indonesia atau negara lain yang dibenarkan beroperasi di Sarawak;
- LPKP Sabah : Mengeluarkan semua lesen kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam untuk negeri Sabah dan lesen sementara ke atas kenderaan perdagangan dari Sarawak, Brunei dan Kalimantan (Indonesia) yang memasuki Sabah;
- Membuat kajian laluan baru sebelum memberi pertimbangan ke atas permohonan untuk mendapatkan lesen bas bagi laluan-laluan yang dipohon;
- Mengumpul rekod, penyata kewangan, statistik atau dokumen lain berhubung perniagaan pemegang lesen kenderaan perdagangan;
- Menentukan prosedur permohonan, memproses dan menimbang permohonan lesen, mengenakan bayaran, menetapkan penalti dan menentukan tanda pengenalan kepada kenderaan perdagangan;
- Melaksanakan tugas-tugas yang berhubung dengan penguatkuasaan ke atas syarat-syarat lesen kenderaan perdagangan.



**LAPORAN TAHUNAN
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP)
SARAWAK
BAGI TAHUN 2018**



1. PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum Wa Rahmatullahi Wa Barakatuh dan Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Laporan Tahunan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) bagi tahun 2018 telah dihasilkan dengan penuh jayanya.

Tahun 2018 adalah tahun yang bersejarah di mana kita telah menyaksikan perubahan kepimpinan tertinggi negara dan sekaligus mengubah senario tadbir urus pemerintahan Kerajaan Persekutuan. Namun hal ini tidak mengubah peranan LPKP Sarawak dalam memastikan industri pelesenan kenderaan perdagangan di negeri Sarawak sentiasa berdaya saing dan bergerak maju ke hadapan.

Bagi mendepani cabaran ini, LPKP Sarawak sentiasa bersedia dan telah memperkenalkan pelbagai dasar, kaedah, dan peraturan baharu bagi tujuan ke arah penambahbaikan dasar sedia ada. Antara dasar, kaedah dan peraturan baharu tersebut ialah Kenaikan Had Umur Teksi di Negeri Sarawak Daripada 15 Tahun Kepada 18 Tahun, Kelulusan Iklan Pada Badan Kenderaan Perdagangan dan Penyalahgunaan Membawa Barangan Oleh Kenderaan Tipping Kontena. Selain daripada itu, program *Flying Squad* telah dilaksanakan di bandar Bintulu dan Limbang bagi memudahkan pelanggan-pelanggan yang menetap di bandar-bandar selain Kuching, Sibu dan Miri untuk berurusan dengan LPKP Sarawak. Sesi *engagement* seperti Sesi Dialog bersama Persatuan-persatuan Bas, Teksi, Bas Sekolah dan syarikat E-Hailing juga dijadikan sebagai platform untuk LPKP Sarawak mendapatkan input serta informasi terkini mengenai isu-isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pemain-pemain industri kenderaan perdagangan. Di samping itu juga, sesi-sesi dialog sedemikian merupakan landasan terbaik untuk LPKP Sarawak menyampaikan hebahan serta makluman mengenai sebarang perubahan dasar atau peraturan yang baharu kepada para pelanggan.

Akhir kalam, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kesemua warga LPKP Sarawak atas pencapaian yang cemerlang bagi sepanjang tahun 2018 dan semoga rentak kecemerlangan ini akan sentiasa diteruskan dari tahun ke tahun. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada kesemua Ahli Lembaga LPKP Sarawak serta *stakeholders* yang terlibat dalam menggembeling tenaga, sumbangan idea-idea serta jasa bakti demi memajukan industri kenderaan perdagangan di negeri Sarawak.

RAZAMI BIN MOHAMAD JAMALI
PENGARAH / SETIAUSAHA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SARAWAK

2. MAKLUMAT AHLI LEMBAGA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK BAGI TAHUN 2018

Seksyen 6 Akta LPKP 1987 menetapkan bahawa LPKP Sarawak terdiri daripada sebelas (11) orang anggota yang dilantik oleh Menteri iaitu:

- Pengerusi;
- Timbalan Pengerusi;
- Seorang wakil Kerajaan Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;
- Seorang wakil Jabatan Pengangkutan Jalan;
- Seorang wakil Kementerian Persekutuan dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkara yang berhubung dengan pelesenan kenderaan perdagangan yang hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga; dan
- Tidak lebih daripada enam orang lain yang pada pendapat Menteri mempunyai pengalaman luas atau pengetahuan khas mengenai perkara yang berhubung dengan pengangkutan.

Senarai Lengkap Ahli Lembaga LPKP Sarawak bagi tahun 2018 adalah seperti di **Lampiran A**.



SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA LPKP SARAWAK BAGI TAHUN 2018

**Y.B. TUAN HAJI HASBI BIN HABIBOLLAH
(PENGURUSI)**



**Y.BHG. DATO' PETER MINOS
(TIMBALAN PENGURUSI)**

**ENCIK RAZAMI BIN MOHAMAD JAMALI
(SETIAUSAHA)**





**DATU HAJI SAFRI BIN HAJI ZAINUDIN
(AHLI LEMBAGA)**



**ENCIK JUMAINI BIN HAILI
(AHLI LEMBAGA)**



**TUAN MOHD SYAFIQ ANAS ABDULLAH
(AHLI LEMBAGA)**

**SUPT. ALEXSON NAGA AK CHABU
(AHLI LEMBAGA)**



**ENCIK EXQUANDE BIN HAZMEE
(AHLI LEMBAGA)**



**PUAN WENDY TERANG
(AHLI LEMBAGA)**





**ENCIK CHUA BENG SENG
(AHLI LEMBAGA)**



**DSP BINGKOK AK JOHN
(AHLI SILIH GANTI)**



**ENCIK MOHAMAD RAZALIE BIN HAJI HAMDEN
(AHLI LEMBAGA)**

**TUAN HJ. MUSTAPHA BIN ADENAN
(AHLI SILIH GANTI)**



**TUAN HJ. MOHAMED KHAIDIR BIN ABANG
(AHLI SILIH GANTI)**

**ENCIK ERICK ANAK JUSIANG
(AHLI SILIH GANTI)**



3. PIAGAM PELANGGAN LPKP SARAWAK

LPKP Sarawak berjanji untuk memberi perkhidmatan yang mesra, cekap, berkualiti dan saksama kepada semua pelanggan. Semua permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat akan diproses dalam tempoh masa seperti berikut :

PERKARA	TEMPOH
Permohonan Baru	30 hari bekerja
Permohonan Membaharui	10 hari bekerja
Permohonan Ubah Syarat	10 hari bekerja
Surat Pemberitahuan Keputusan Permohonan Baru	10 hari bekerja
Cetakan Lesen	5 hari bekerja



4. LAPORAN BAHAGIAN PELESENAN

4.1 MESYUARAT LEMBAGA

Pada tahun 2018 LPKP Sarawak mengadakan **7 kali** Mesyuarat Lembaga. Mesyuarat diadakan bertujuan untuk membuat keputusan terhadap permohonan lesen kenderaan perdagangan, menggubal dasar baru, mengkaji semula dasar sedia ada serta membuat ketetapan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kenderaan perdagangan. Rekod terperinci mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan adalah seperti di **Lampiran D**.

4.2 PERMOHONAN

LPKP Sarawak telah menimbang dan meluluskan permohonan lesen baru, membaharui lesen dan ubah syarat lesen seperti yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334) seperti berikut:

4.2.1 Permohonan Lesen Baru

Sebanyak **2,433** permohonan lesen baru telah diterima pada tahun 2018 berbanding **1,237** pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak **49.16%**. Daripada bilangan tersebut, sebanyak **2,186** permohonan lesen diluluskan pada tahun 2018 berbanding **1,187** pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak **45.70%** permohonan lesen seperti di **Carta 1**. Peningkatan tersebut berlaku secara mendadak kerana pengiraan yang dilakukan pada tahun 2018 adalah berdasarkan bilangan unit kenderaan yang dipohon oleh pelesen berbanding sebelum ini kiraan adalah berdasarkan bilangan permohonan daripada pelesen atau pemohon.


CARTA 1



4.2.2 Permohonan Membaharui Lesen

Sepanjang tahun 2018 sebanyak **6,036** permohonan membaharui lesen telah diterima berbanding **7,989** pada tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak **(32.36)%**. Daripada jumlah tersebut, **5,935** permohonan telah diluluskan pada tahun 2018 berbanding **7,888** permohonan bagi tahun 2017, berlaku penurunan sebanyak **(32.91%)** ekoran daripada pengurangan bilangan keseluruhan permohonan membaharui lesen yang diterima seperti di **Carta 2**.


CARTA 2



4.2.3 Permohonan Ubah Syarat Lesen

Sepanjang tahun 2018 sebanyak **4,223** permohonan ubah syarat lesen telah diterima berbanding **4,339** permohonan pada tahun 2017, iaitu berlaku sedikit penurunan sebanyak **116** permohonan atau **(2.75%)**. Sebanyak **4,058** permohonan ubah syarat lesen telah diluluskan pada tahun 2018 berbanding **4,042** permohonan bagi tahun sebelumnya, iaitu terdapat sedikit pertambahan sebanyak **0.39%** seperti di **Carta 3**.


CARTA 3



4.2.4 Cetakan Lesen

Sepanjang tahun 2018 sebanyak **8,772** permohonan cetakan lesen telah diterima di Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak. Cetakan lesen ini merangkumi beberapa kategori iaitu cetakan lesen hilang, cetakan lesen permohonan baru, cetakan lesen luar kawasan, cetakan pembaharuan lesen, cetakan permohonan semula lesen dan cetakan ubah syarat lesen. Cetakan lesen luar kawasan merujuk kepada kenderaan daripada Negeri Sabah memasuki Negeri Sarawak. Pecahan jumlah bilangan lesen yang dicetak pada tahun 2018 mengikut kategori adalah seperti yang ditunjukkan pada **Carta 4**.

CARTA 4



RUMUSAN PERMOHONAN LESEN BARU, MEMBAHARUI, UBAH SYARAT LESEN DAN CETAKAN LESEN TAHUN 2017 DAN 2018

JENIS PERMOHONAN	2017		2018	
	BILANGAN		BILANGAN	
	TERIMA	LULUS	TERIMA	LULUS
Baru	1,237	1,187	2,433	2,186
Membaharui	7,989	7,888	6,036	5,935
Ubah Syarat	4,339	4,042	4,223	4,058
Cetakan Lesen	9,119	9,119	8,772	8,775
JUMLAH	22,684	22,236	21,464	21,054

JADUAL 1

4.3 RAYUAN

Seksyen 27, Akta LPKP 1987 (Akta 334) telah memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Lembaga terhadap permohonan lesen baru, membaharui lesen dan pembatalan lesen, boleh membuat rayuan kepada Menteri Persekutuan. Walau bagaimanapun tiada rayuan permohonan lesen baru telah diterima pada tahun 2018.

4.4 KEDUDUKAN LESEN TERKUMPUL MENGIKUT PECAHAN KELAS LESEN

Sehingga **31 Disember 2018**, lesen terkumpul LPKP Sarawak yang merangkumi seluruh Bahagian mengikut pecahan lesen telah mengeluarkan sebanyak **45,285** lesen seperti ditunjukkan di **Jadual 2**.

KEDUDUKAN LESEN TERKUMPUL MENGIKUT PECAHAN KELAS LESEN (SEHINGGA 31 DISEMBER 2018)

KENDERAAN BARANGAN		KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM	
KELAS LESEN	JUMLAH LESEN	KELAS LESEN	JUMLAH LESEN
LESEN PEMBAWA 'A'	30,691	TEKSI	1,047
LESEN PEMBAWA 'C'	9,380	TEKSI MEWAH	7
		KERETA SEWA	426
		KERETA SEWA PANDU	925
		BAS BERHENTI-HENTI	259
		BAS EKSPRES	286
		BAS SEKOLAH	1,556
		BAS PEKERJA	708
JUMLAH	40,071	JUMLAH	5,214
JUMLAH KESELURUHAN			
45,285			

JADUAL 2

4.5 PENAMBAHBAIKAN DASAR-DASAR, PERATURAN DAN GARIS PANDUAN 2018

Sepanjang tahun 2018, LPKP Sarawak telah memperkenalkan pelbagai dasar, kaedah, dan peraturan baru bagi tujuan ke arah penambahbaikan dasar sedia ada seperti berikut:

4.5.1 Permohonan Kenaikan Had Umur Teksi di Negeri Sarawak Daripada 15 Tahun Kepada 18 Tahun

Mesyuarat telah bersetuju dengan keputusan had umur teksi yang berumur 15 tahun akan dilanjutkan kepada 18 tahun sahaja dengan syarat-syarat seperti berikut :-

- a. Tidak dibenarkan memohon keluasan kawasan operasi (KOP) di seluruh negeri Sarawak. Hanya dibenarkan beroperasi di zon yang telah ditetapkan dalam lesen/permit.
- b. Nama pelesen teksi, bilangan penumpang, kawasan operasi dan nombor rujukan fail LPKP hendaklah ditandakan dengan jelas pada kedua-dua belah pintu hadapan kenderaan.
- c. Dasar pembaharuan :-
 - i. Kelulusan tempoh pembaharuan diberi tiga (3) tahun mulai dari tarikh tamat tempoh 15 tahun kenderaan beroperasi berdasarkan dari tarikh pendaftaran kenderaan dengan JPJ Sarawak.
 - ii. Lulus pemeriksaan berkala PUSPAKOM (Laporan VR1) yang dijalankan dua (2) kali setahun dan wajib dikemukakan keputusan pemeriksaan kepada LPKP Sarawak setiap kali pemeriksaan dibuat sepanjang tempoh pembaharuan tersebut.
 - iii. Lulus Lesen Kenderaan Pengangkutan Awam (PSV) atau Lesen PSV sedia ada masih dalam tempoh sah laku.
 - iv. Cukai jalan yang masih berkuatkuasa. Sekiranya cukai jalan telah tamat tempoh dan Laporan VR1 masih berkuatkuasa, maka lesen akan dikeluarkan bagi tempoh setahun sahaja.
 - v. Lesen perniagaan masih sah.
 - vi. Bagi Pemandu Teksi yang berumur 65 tahun dan ke atas adalah dikehendaki mempunyai Penolong Pemandu dan akan diberi kelulusan tempoh pembaharuan selama tiga (3) tahun atau mengikut baki tempoh dari tarikh tamat tempoh 15 tahun kenderaan beroperasi dan berdaftar dengan LPKP Sarawak. Bagi Pemandu Teksi yang

berumur 65 tahun dan ke atas yang tiada mempunyai Penolong Pemandu pula akan diberi kelulusan tempoh pembaharuan selama setahun sahaja mulai dari tarikh tamat tempoh 15 tahun kenderaan beroperasi dan berdaftar dengan LPKP Sarawak. Tetapi mereka hendaklah mempunyai Lesen PSV yang masih dalam tempoh sahlaku.

- vii. Mesyuarat juga bersetuju pemeriksaan imej dan fizikal dijalankan ke atas teksi berumur 15 tahun yang memohon dilanjutkan ke 18 tahun dari segi warna kenderaan, keselesaan tempat duduk, imej luaran dan dalaman kenderaan serta tanda badan kenderaan. Pemeriksaan akan dilakukan oleh LPKP Sarawak dengan bantuan pihak PUSPAKOM menggunakan borang khusus. Ia bertujuan untuk memastikan pelesen menitikberatkan ketrampilan dan keceriaan kenderaan teksi bagi imej Negara.
- viii. YB Pengerusi seterusnya menyarankan agar LPKP Sarawak untuk menyelaraskan perkara ini bersama pihak PUSPAKOM Sarawak agar ketetapan ini dapat dilaksanakan dengan segera dan lancar.
- ix. Mesyuarat juga memutuskan mana-mana kenderaan teksi yang telah menjalani Sesi Verifikasi Kenderaan Berumur 14 tahun Ke Atas sebelum ini dan dinilai tidak memuaskan fizikalnya diberi tempoh tiga (3) bulan untuk membaiki teksi tersebut sebelum boleh diluluskan permohonannya. Mana-mana kenderaan teksi yang lulus keputusan pemeriksaan verifikasinya, permohonan melanjutkan had umur teksi untuk beroperasi akan diluluskan selama tiga (3) tahun. Manakala, mana-mana kenderaan teksi yang gagal keputusan pemeriksaannya, permohonannya akan ditolak dan sebarang permohonan rayuan tidak akan dilayan.

4.5.2 Kelulusan Iklan Pada Badan Kenderaan Perdagangan

Semua kelulusan pengiklanan pada badan setiap kenderaan perdagangan hendaklah dipohon kepada pihak Bahagian Kejuruteraan Automatif, Jabatan Pengangkutan Jalan terlebih dahulu mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

4.5.3 Penyalahgunaan Membawa Barangan Oleh Kenderaan Tipping Kontena

- a. Mesyuarat dimaklumkan bahawa berlakunya penyalahgunaan kenderaan Tipping Kontena yang membawa barangan selain daripada tanah, pasir, batu, premix, arang batu dan kelapa sawit serta kes lebih muatan. Kelulusan pelan kenderaan Tipping Kontena adalah di bawah bidang kuasa Bahagian Kejuruteraan Automotif, JPJ Malaysia. Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan agar kenderaan Tipping Kontena tidak dibenarkan untuk membawa mana-mana barangan selepas ini.
- b. Pihak LPKP Sarawak telah mendapat maklum balas daripada bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ Sarawak berhubung perkara ini dan disyorkan untuk menyatakan pada bahagian 'barangan dibawa' pada lesen LPKP diselaraskan dengan lebih terperinci contohnya, Barangan Dibawa: ISO Container (dengan muatan selain daripada bahan binaan, pasir, tanah, batu, premix, arang batu dan kelapa sawit).

4.6 PROGRAM-PROGRAM PELESENAN LPKP SARAWAK TAHUN 2018

i) PROGRAM *FLYING SQUAD* DI BINTULU

TARIKH	LOKASI
24.4.2018 – 26.4.2018	Bilik Temuduga/Mesyuarat Wisma Persekutuan, Bintulu
26.6.2018 – 28.6.2018	Bilik Temuduga/Mesyuarat Wisma Persekutuan, Bintulu
24.7.2018 – 26.7.2018	Bilik Temuduga/Mesyuarat Wisma Persekutuan, Bintulu
14.8.2018 – 16.8.2018	Bilik Temuduga/Mesyuarat Wisma Persekutuan, Bintulu
25.9.2018 – 27.9.2018	Bilik Temuduga/Mesyuarat Wisma Persekutuan, Bintulu
23.10.2018 – 25.10.2018	Bilik Temuduga/Mesyuarat Wisma Persekutuan, Bintulu
3.11.2018 – 5.12.2018	Bilik Temuduga/Mesyuarat Wisma Persekutuan, Bintulu

ii) PROGRAM *FLYING SQUAD* DI LIMBANG

TARIKH	TEMPAT
10.4.2018	Pusat Khidmat Y.B Hj. Hasbi B. Habibollah
11.7.2018	Pusat Khidmat Y.B Hj. Hasbi B. Habibollah

iii) PROGRAM LATIHAN PEMANDU YANG BERKUALITI

TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
13.09.2018	Kursus Shell Selamat Sampai Taxi Drivers Outreach 2018	Bintulu

iv) PROGRAM DIALOG / FORUM / TOWN HALL

TARIKH	PROGRAM
11.01.2018	Sesi Perjumpaan LPKP Sarawak Bersama Persatuan-Persatuan Teksi di Bahagian Kuching
08.02.2018	Sesi Perjumpaan Dan Perbincangan Mengenai Masalah Permit Petrol / Diesel
04.04.2018	Sesi Perjumpaan LPKP Sarawak Bersama The Sarawak Bus Transport Companies Association
23.08.2018	Sesi Perjumpaan Dengan Persatuan Bas Sekolah Sarawak
27.11.2018	Sesi Perjumpaan Bersama Pihak MyCar
07.12.2018	Sesi Perjumpaan Bersama Pihak Grab di Sarawak
10.12.2018	Sesi Perjumpaan LPKP Sarawak Bersama Persatuan Teksi
28.12.2018	Sesi Perjumpaan Bersama Persatuan Bas Sekolah Miri

v) HARI BERSAMA PELANGGAN

TARIKH	TEMPAT
31.01.2018	Perkarangan Lobi LPKP Sarawak
28.02.2018	Perkarangan Lobi LPKP Sarawak
28.03.2018	Perkarangan Lobi LPKP Sarawak
30.04.2018	Perkarangan Lobi LPKP Sarawak
31.05.2018	Perkarangan Lobi LPKP Sarawak

4.7 BILANGAN MESYUARAT LEMBAGA BAGI TAHUN 2018

BIL	TARIKH	TEMPAT
1/2018	6 FEBRUARI 2018	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
2/2018	9 MAC 2018	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
3/2018	18 APRIL 2018	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
4/2018	16 MEI 2018	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
5/2018	12 SEPTEMBER 2018	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
6/2018	17 OKTOBER 2018	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
7/2018	23 NOVEMBER 2018	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK

5. LAPORAN BAHAGIAN PENGUATKUASA

5.1 ADUAN DAN PENGUATKUASAAN

Seksyen 25 Akta LPKP 1987 (Akta 334) membolehkan tindakan diambil terhadap pelesen yang didapati melanggar mana-mana peraturan dan syarat lesen dengan membatalkan atau menggantung lesen mengikut kesalahan yang dilakukan.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 53 aduan telah diterima dan 209 kompaun telah ditawarkan. Di antara aduan yang telah diterima ialah pelesen beroperasi di luar kawasan, meletakkan kenderaan di tempat yang tidak sepatutnya serta meletakkan kenderaan di tempat yang tidak dibenarkan.

Tindakan penguatkuasaan bagi memantau pematuan Akta LPKP 1987 (Akta 334) dan Kaedah-kaedah di bawahnya telah ditingkatkan dengan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti Polis di Raja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya. Aktiviti penguatkuasaan yang telah dijalankan adalah seperti berikut.

5.1.1 Operasi Bersepadu Antara Cawangan

Sejajar dengan kehendak Seksyen 20, Akta LPKP (Akta 334) adalah menjadi keutamaan pelesen untuk memenuhi syarat-syarat berkanun lesen dan ciri-ciri keselamatan kenderaan. Sehubungan dengan itu, operasi bersepadu antara cawangan telah dijalankan sebanyak 8 kali. Kaedah penguatkuasaan yang digunakan adalah secara statik dan sekatan jalan raya dengan penyertaan daripada pihak JPJ. Operasi ini telah memberi kesedaran mendalam kepada pengusaha kenderaan perdagangan di Sarawak tentang kesalahan yang dilakukan terutamanya berhubung pelanggaran syarat berkanun dan syarat permit yang telah ditetapkan oleh Lembaga seperti terkandung dalam Seksyen 19, Akta LPKP 1987 (Akta 334).

5.1.2 Operasi Bersepadu Antara Agensi Penguatkuasaan

Sebanyak 12 operasi bersepadu telah dijalankan bersama agensi penguatkuasaan seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), PUSPAKOM, Jabatan Alam Sekitar (JAS), dan Jabatan Tanah dan Survei. Daripada 12 Operasi yang dijalankan, 1 operasi telah dijalankan di Zon Selatan, 7 operasi telah dijalankan di Zon Tengah dan 4 telah dijalankan di Zon Utara. Dengan adanya kerjasama sebegini, agensi penguatkuasaan di Sarawak telah berjaya memberi kesedaran keselamatan dan pematuan syarat lesen oleh

pengusaha termasuk pemandu kenderaan barangan dan pengangkutan awam.

5.1.3 Pemeriksaan Mengejut di Terminal Bas

Sepanjang tahun 2018, Bahagian Penguatkuasaan LPKP Sarawak telah melakukan 97 pemeriksaan mengejut di terminal bas ekspres seluruh Sarawak meliputi Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri.


Pemeriksaan dilakukan ke atas bas ekspres meliputi lesen pembawa, pemeriksaan tiket penumpang, buku log dan lesen pemandu. Hasil pemeriksaan tersebut telah meningkatkan kesedaran tentang aspek-aspek keselamatan kepada pengusaha selain menambah keyakinan penumpang terhadap kualiti perkhidmatan pengangkutan awam di negeri ini.

5.1.4 Pemeriksaan Mengejut Terhadap Pemandu Teksi

Pemeriksaan mengejut terhadap pemandu teksi telah dijalankan sebanyak 63 kali pada tahun 2018. Pemantauan tersebut meliputi etika pemandu seperti pakaian seragam, tambang yang dikenakan dan keadaan fizikal kenderaan. Operasi berterusan anggota penguatkuasa di hotel-hotel dan lapangan terbang memberi kesedaran kepada pemandu teksi untuk lebih berwaspada dan mementingkan kualiti perkhidmatan

5.1.5 Pemeriksaan Buku Log Bas Ekspres

Pemeriksaan buku log bas ekspres telah dilakukan sebanyak 106 kali. Pemandu atau pengusaha bas ekspres dikehendaki mematuhi Kaedah 10, Kaedah-Kaedah Lalulintas 1959 (LN/166/1959) melalui pemeriksaan di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan di seluruh negeri Sarawak. Pemeriksaan buku log juga dilaksanakan bertujuan untuk memeriksa penggiliran pemandu setiap 4 jam bagi perjalanan yang tidak melebihi 300km. Walaubagaimanapun, tiada kompaun dikeluarkan atas kesalahan ini sepanjang tahun.



5.1.6 Pemantauan Laluan Serta Etika Pemandu Bas dan Kereta Sewa

- a. Memastikan bas dan kereta sewa mematuhi laluan-laluan yang diluluskan supaya dapat memberi perkhidmatan lebih efisien kepada pengguna serta mengelakkan daripada timbulnya persaingan sesama pengusaha perkhidmatan awam di negeri ini.
- b. Sepanjang tahun 2018, operasi penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh LPKP Sarawak telah meningkatkan pematuhan pelesen terhadap syarat-syarat permit kenderaan perdagangan walaupun kekuatan anggota penguatkuasa di LPKP Sarawak adalah masih terhad. Komitmen daripada agensi penguatkuasaan lain turut sama membantu LPKP Sarawak dalam memastikan objektif Jabatan dapat dicapai. Tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas kes-kes aduan dan tangkapan seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2 : BILANGAN ADUAN YANG DITERIMA DAN TINDAKAN KE ATAS ADUAN MENGIKUT KELAS LESEN 2018

KELAS LESEN	ADUAN	TINDAKAN KE ATAS ADUAN					
		KOMPAUN	AMARAN	GANTUNG	BATAL	TUTUP KES/BEBAS	DALAM SIASATAN
Lori Pembawa 'A'	27	27	-	-	-	-	-
Lori Pembawa 'C'	2	2	-	-	-	-	-
Bas Berhenti-Henti	6	6	-	-	-	-	-
Bas Ekspres	3	3	-	-	-	-	-
Bas Mini	-	-	-	-	-	-	-
Bas Sekolah	-	-	-	-	-	-	-
Bas Catar	-	-	-	-	-	-	-
Bas Pengantara	-	-	-	-	-	-	-
Kereta Sewa	-	-	-	-	-	-	-
Kereta Sewa dan Pandu	-	-	-	-	-	-	-
Teksi	15	15	-	-	-	-	-
Teksi Mewah/Limosine	-	-	-	-	-	-	-
Teksi Lapangan Terbang	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	53	53	-	-	-	-	-

- c. Selain daripada aduan-aduan yang diterima, tindakan penguatkuasaan juga dijalankan. Sepanjang tahun 2018, jumlah tangkapan adalah sebanyak 209 untuk semua jenis kelas lesen. Perincian bilangan tangkapan mengikut kelas lesen dan jenis tindakan yang dikenakan dijelaskan dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3 : TINDAKAN KE ATAS KES-KES TANGKAPAN PENGUATKUASAAN
MENGIKUT KELAS LESEN TAHUN 2018**

KELAS LESEN	BILANGAN TANGKAPAN	JENIS TANGKAPAN					
		KOMPAUN	AMARAN	GANTUNG	BATAL	TUTUP KES/ BEBAS	DALAM SIASATAN
Lori Pembawa 'A'	124	124	-	-	-	-	-
Lori Pembawa 'C'	17	17	-	-	-	-	-
Bas Berhenti-Henti	3	3	-	-	-	-	-
Bas Ekses	19	19	-	-	-	-	-
Bas Mini	-	-	-	-	-	-	-
Bas Sekolah	6	6	-	-	-	-	-
Bas Catar	-	-	-	-	-	-	-
Bas Pengantara	-	-	-	-	-	-	-
Kereta Sewa	15	15	-	-	-	-	-
Kereta Sewa dan Pandu	-	-	-	-	-	-	-
Teksi	27	27	-	-	-	-	-
Teksi Mewah/Limosine	-	-	-	-	-	-	-
Teksi Lapangan Terbang	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	209	209	-	-	-	-	-



6. LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN

6.1 PERJAWATAN


Sehingga **31 Disember 2018**, kedudukan perjawatan LPKP Sarawak adalah **65** jawatan dengan pengisian **54** jawatan dan **11** kekosongan. Carta Organisasi LPKP Sarawak adalah seperti di **Lampiran B**. Ringkasan keseluruhan perjawatan LPKP Sarawak adalah seperti di **Lampiran C**.

6.2 PRESTASI KEWANGAN

Peruntukan belanja mengurus yang diluluskan bagi LPKP Sarawak tahun 2018 berjumlah **RM 3,578,400.00** berbanding dengan **RM 3,576,400.50** pada tahun 2017 iaitu **peningkatan sebanyak 0.05%**. Manakala kutipan hasil tahunan LPKP Sarawak adalah **RM 1,577,105.00** pada tahun 2018 dan **RM 1,747,931.00** pada tahun 2017 iaitu **penurunan sebanyak 9.77%**. Ringkasan Perbandingan peruntukan belanja mengurus dan kutipan hasil pada tahun 2017 dan 2018 adalah seperti berikut:

BELANJA MENGURUS TAHUN 2017 DAN 2018

TAHUN/ PERKARA	2017 (RM)	2018 (RM)	PERATUS (%)
Belanja Mengurus	3,576,400.50	3,578,400.00	+0.05
Kutipan Hasil	1,747,931.00	1,577,105.00	-9.77




6.3 ANALISIS KEWANGAN

LPKP Sarawak menerima peruntukan belanja mengurus yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan, melalui Jabatan Perdana Menteri (Januari – September) dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (Oktober – Disember) pada tahun 2018. Bagi tahun 2018, peruntukan yang diterima oleh LPKP Sarawak **meningkat** daripada **RM 3,576,400.50** pada tahun 2017, kepada **RM 3,578,400.00** pada tahun 2018. Berikut adalah analisis peruntukan, perbelanjaan mengurus sebenar dan jumlah kutipan hasil tahunan bagi LPKP Sarawak bagi lima (5) tahun ke belakang iaitu bermula pada tahun 2014 sehingga tahun 2018 :

	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)
Peruntukan Diluluskan	4,013,150.00	4,091,832.00	4,196,830.00	3,576,400.50	3,578,400.00
Belanja Mengurus	3,786,669.28	3,900,424.67	3,792,378.49	3,575,842.37	3,496,531.00
Kutipan Hasil	1,597,035.00	1,529,875.00	1,632,638.00	1,747,931.00	1,577,105.00

PERBANDINGAN PRESTASI KEWANGAN BAGI TEMPOH 5 TAHUN (2014 - 2018)



LPKP Sarawak juga sentiasa mengamalkan **langkah-langkah penjimatan** selaras dengan konsep perbelanjaan berhemah dan optimum peruntukan Kerajaan, dan langkah-langkah yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

1. Kawalan ke atas tugas kerja lebih masa semua warga LPKP Sarawak, sebagaimana Perkara 3.3 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan; dan
2. Menggalakkan pegawai dan kakitangan LPKP Sarawak untuk membeli tiket penerbangan daripada syarikat penerbangan atau agensi pelancongan yang menawarkan harga yang lebih rendah bagi menghadiri mesyuarat/tugas rasmi selaras Perkara 3.6 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan.



7. AKTIVITI-AKTIVITI LPKP SARAWAK BAGI SEPANJANG TAHUN 2018

7.1 MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN KELULUSAN (STK) OLEH YB LOKE SIEW FOOK, MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA



7.2 SESI VERIFIKASI KE ATAS TEKSI BERUMUR 14 TAHUN DI LPKP CAWANGAN SIBU DAN LPKP CAWANGAN MIRI



7.3 SESI DIALOG BERSAMA PIHAK PERSATUAN TEKSI BUMIPUTERA DI KUCHING



7.4 BENGKEL TRANSFORMASI INDUSTRI TEKSI DI SARAWAK TAHUN 2018 LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK



7.5 MAJLIS PELANCARAN BUKU LOG BAS BIMP-EAGA PERINGKAT NEGERI SARAWAK



7.6 SESI DIALOG BERSAMA TAXI OWNER'S ASSOCIATED OF SARAWAK



7.7 MAJLIS PENYERAHAN KAD BANTUAN TEKSI 1MALAYSIA (KBT1M) PERINGKAT NEGERI SARAWAK (BAHAGIAN KUCHING, SRI AMAN & BETONG, SIBU, KAPIT, BINTULU, MIRI & LIMBANG)

7.7.1 BAHAGIAN KUCHING



7.7.2 BAHAGIAN SRI AMAN & BETONG



7.7.3 BAHAGIAN SIBU



7.7.4 BAHAGIAN KAPIT



7.7.5 BAHAGIAN BINTULU



7.7.6 BAHAGIAN MIRI



7.7.7 BAHAGIAN LIMBANG



7.8 SESI PERJUMPAAN LPKP SARAWAK BERSAMA GABUNGAN PERSATUAN BAS SEKOLAH SARAWAK



7.9 SESI PERJUMPAAN LPKP SARAWAK BERSAMA PERSATUAN TEKSI



7.10 SESI PERJUMPAAN LPKP SARAWAK BERSAMA MYCAR



**7.11 MESYUARAT KE 34 TIM TEKNIK DAN SIDANG KE 34 JKK/KK SOSEK
MALINDO PERINGKAT NEGERI SARAWAK TINGKAT PROVINSI
KALIMANTAN BARAT TAHUN 2018**



8. PROSPEK

Kemajuan sesebuah negara boleh diukur dengan sistem pengangkutan awam yang disediakan oleh Kerajaan kepada rakyatnya. Sebagai agensi yang menerajui pelesenan kenderaan perdagangan awam, LPKP Sarawak akan sentiasa berevolusi serta menambahbaik dasar-dasar dan peraturan sedia ada bagi menampung keperluan pengguna pengangkutan awam di negeri Sarawak. Pengenalan kepada teknologi pintar dalam perkhidmatan pengangkutan awam juga perlu diambil perhatian dan dikawal selia bagi memastikan ekosistem pengangkutan awam terutamanya di negeri Sarawak dapat dimaksimakan tahap penggunaannya oleh masyarakat di bandar mahupun luar bandar. Impak kepada pembangunan teknologi yang terus berkembang pesat sudah pasti memanfaatkan sistem pengangkutan awam dan ianya juga akan menguntungkan rakyat serta negara.

9. PENUTUP

Cabaran dalam memastikan industri kenderaan perdagangan awam sentiasa maju dan berdaya saing sememangnya sudah menjadi lumrah *core business* LPKP Sarawak. Warga LPKP Sarawak harus melengkapkan diri dengan pengetahuan dan pengalaman yang sewajarnya bagi menangani cabaran ini. LPKP Sarawak juga akan terus kekal relevan dalam memajukan industri pelesenan kenderaan perdagangan awam di negeri Sarawak dan sentiasa bekerjasama dengan agensi kerajaan serta swasta demi mencapai visi sebagai "Peneraju Transformasi Perkhidmatan Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bertaraf Dunia".



10. **MAKLUMAT PERHUBUNGAN LPKP SARAWAK**

- **LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK
IBU PEJABAT, KUCHING**

Pengarah,
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak,
Tingkat 12, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93400 Kuching, Sarawak.
Tel : 082- 412 033
Faks : 082-256 757
Laman Web : www.lpkpsarawak.gov.my/lpkp

- **LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK
CAWANGAN SIBU**

Ketua Cawangan,
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak,
Cawangan Sibu,
Tingkat 3, Blok 1,
Wisma Persekutuan,
Jalan Awang Ramli Amit,
96000 Sibu, Sarawak.
Tel : 084-343 103
Faks : 084-343 940

- **LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK
CAWANGAN MIRI**

Ketua Cawangan,
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak,
Cawangan Miri,
Tingkat Bawah, Blok B,
Wisma Persekutuan Fasa II,
Jalan Cahaya Lopeng,
98000 Miri, Sarawak.
Tel : 085-419 876
Faks : 085-426 285

LAMPIRAN



LAMPIRAN A
**SENARAI AHLI LEMBAGA LPKP SARAWAK 2018
(1 Januari 2018 – 31 Mei 2018)**

BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIK	TARIKH TAMAT
1.	Y.B. Tuan Haji Hasbi bin Habibollah	Pengerusi LPKP Sarawak	01.06.2016	31.05.2018
2.	Y.Bhg. Dato' Peter Minos	Timbalan Pengerusi LPKP Sarawak	01.11.2016	31.10.2018
3.	Encik Razami Bin Mohamad Jamali	Setiausaha Lembaga	01.12.2017	30.11.2019
4.	YBhg. Datu Haji Safri bin Haji Zainudin	Ahli (MIDT)	01.11.2017	31.10.2019
5.	Encik Jumaini Bin Haili	Ahli (DBKU)	01.09.2017	31.08.2019
6.	Tuan Mohd Syafiq Anas Bin Abdullah	Ahli (JPJ)	01.02.2017	31.01.2019
7.	Superintenden Alexson Naga Ak Chabu	Ahli (PDRM)	01.09.2017	31.08.2019
8.	Encik Exquande Bin Hazmee	Ahli (PUSPAKOM)	01.06.2017	31.05.2019
9.	Puan Wendy Terang	Ahli (NGO)	01.08.2016	31.07.2018
10.	Encik Chua Beng Seng	Ahli (NGO)	01.08.2016	31.07.2018
11.	Encik Mohamad Razalie bin Haji Hamden	Ahli (NGO)	01.10.2017	30.09.2019

12.	DSP Bingkok Ak John	Ahli Silihganti Lembaga (PDRM)	01.09.2017	31.08.2019
13.	Tuan Hj. Mustapha Bin Adenan	Ahli Silihganti Lembaga (MIDT)	01.04.2017	30.03.2019
14.	Tuan Haji Mohamed Khaidir bin Abang	Ahli Silihganti Lembaga (DBKU)	01.03.2016	29.02.2018
15.	Encik Erick Anak Jusiang	Ahli Silihganti Lembaga (JPJ)	01.10.2017	30.09.2019
16.	Encik Zulhassan Bin Haron	Ahli Silihganti Lembaga (PUSPAKOM)	01.03.2018	28.02.2020




SENARAI AHLI LEMBAGA LPKP SARAWAK 2018
(15 Ogos 2018 – 31 Disember 2018)

BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIK	TARIKH TAMAT
1.	Tuan Mohd Syafiq Anas Bin Abdullah	Pengerusi Sementara LPKP Sarawak	15.08.2018	Sehingga Pengerusi baharu dilantik oleh YB Menteri
2.	Encik Razami Bin Mohamad Jamali	Setiausaha Lembaga	01.12.2017	30.11.2019
3.	YBhg. Datu Haji Safri bin Haji Zainudin	Ahli (MIDT)	01.11.2017	31.10.2019
4.	Superintenden Alexson Naga Ak Chabu	Ahli (PDRM)	01.09.2017	31.08.2019
5.	Encik Exquande Bin Hazmee	Ahli (PUSPAKOM)	01.06.2017	31.05.2019
6.	DSP Bingkok Ak John	Ahli Silihganti Lembaga (PDRM)	01.09.2017	31.08.2019
7.	Encik Mohamad Zakaria Bin Abdul Wahab	Ahli Silihganti Lembaga (MIDT)	21.11.2018	20.11.2020
8.	Tuan Haji Mohamed Khaidir bin Abang	Ahli Silihganti Lembaga (DBKU)	01.03.2018	28.03.2020
9.	Encik Erick Anak Jusiang	Ahli Silihganti Lembaga (JPJ)	01.10.2017	30.09.2019
10.	Encik Zulhassan Bin Haron	Ahli Silihganti Lembaga (PUSPAKOM)	01.03.2018	28.02.2020

LAMPIRAN B

CARTA ORGANISASI KESELURUHAN LPKP SARAWAK TAHUN 2018



LAMPIRAN C

**RINGKASAN BILANGAN PERJAWATAN, PENGISIAN DAN KEKOSONGAN
DI LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK
MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2018**

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	GRED	*P	*I	*K
PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK					
1.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M48	1	1	0
2.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M44	2	2	0
JUMLAH			3	3	0
KEWANGAN					
3.	Penolong Akauntan	W32	1	1	0
4.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22	1	1	0
5.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19/ W22	2	2	0
JUMLAH			4	4	0
TEKNOLOGI MAKLUMAT					
6.	Pen. Pegawai Teknologi Maklumat	FA32	1	1	0
7.	Pen. Pegawai Teknologi Maklumat	FA29/ FA32	1	1	0
JUMLAH			2	2	0
PENGUATKUASA					
8.	Pegawai Penguatkuasa	KP41	1	1	0
9.	Penolong Pegawai Penguatkuasa	KP32	1	1	0
10.	Penolong Pegawai Penguatkuasa	KP29	3	1	2

11.	Pembantu Penguatkuasa	KP22	2	1	1
12.	Pembantu Penguatkuasa	KP19	5	4	1
JUMLAH			12	8	4
PENTADBIRAN DAN SOKONGAN					
13.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	3	3	0
14.	Penolong Pegawai Tadbir	N29/ N32	1	1	0
15.	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	4	3	1
16.	Pembantu Khas, Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N19/N22	N19/ N22	1	1	0
17.	Pembantu Tadbir (P/O)	N19/ N22	20	18	2
18.	Pegawai Khidmat Pelanggan	N19/ N22	1	1	0
19.	Pembantu Operasi	N11	8	7	1
JUMLAH			38	34	4
MAHIR, SEPARUH MAHIR DAN TIDAK MAHIR					
20.	Pemandu Kenderaan	H11	4	3	1
21.	Pembantu Awam	H11	2	0	2
JUMLAH			6	3	3
JUMLAH BESAR			65	54	11

LAMPIRAN D

SIRI MESYUARAT LEMBAGA LPKP SARAWAK TAHUN 2018

SIRI	TARIKH	TEMPAT
1/2018	6 FEBRUARI 2018	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
2/2018	9 MAC 2018	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
3/2018	18 APRIL 2018	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
4/2018	16 MEI 2018	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
5/2018	12 SEPTEMBER 2018	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
6/2018	17 OKTOBER 2018	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
7/2018	23 NOVEMBER 2018	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK





**LAPORAN TAHUNAN
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP)
SABAH
BAGI TAHUN 2018**



1. PERUTUSAN PENGARAH

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T diatas penerbitan Laporan Tahunan LPKP 2018 ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam menjayakan laporan ini.

Pelbagai cabaran yang dihadapi oleh negara pada tahun 2018 seperti kemerosotan harga minyak global dan penyusutan nilai matawang ringgit telah sedikit sebanyak memberi kesan terhadap kerancakan industri kenderaan perdagangan di Sabah. Senario ini telah menuntut warga LPKP Sabah untuk berusaha dengan lebih giat bagi memastikan daya saing perkhidmatan kenderaan perdagangan terus meningkat.

Menyedari hakikat bahawa industri pengangkutan awam mempunyai peranan penting dalam pembangunan ekonomi negeri Sabah, usaha penambahbaikan berterusan dari semasa ke semasa dilaksanakan melalui kajian dan penilaian semula dasar kenderaan perdagangan di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dasar serta strategi yang telah dilaksanakan oleh LPKP Sabah menunjukkan impak positif yang boleh dilihat dari peningkatan pemohonan berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini membuktikan strategi serta dasar pelesenan oleh LPKP Sabah memberi impak yang kondusif terhadap industri kenderaan perdagangan di Sabah untuk terus berkembang pesat walaupun dalam persekitaran yang mencabar.

Bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan, LPKP Sabah akan terus menjalinkan kolaborasi yang erat khususnya bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam mengekalkan persekitaran perniagaan industri kenderaan perdagangan yang kondusif dan kompetitif serta memberi manfaat kepada pelesen khasnya dan rakyat amnya. Aspek kualiti, keselesaan dan nilai tambah perkhidmatan perlu diberi penekanan agar wujud persekitaran yang kondusif bagi industri kenderaan perdagangan terus berkembang, seterusnya menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi di Sabah khasnya dan Malaysia amnya. Setiap kejayaan yang dikecapi sewajarnya menjadi pendorong untuk LPKP Sabah terus melangkah ke hadapan. LPKP Sabah beriltizam untuk terus meneroka ruang-ruang penambahbaikan khususnya bagi memastikan pelaksanaan dasar dan peraturan relevan dengan peredaran masa.

Sesungguhnya semua usaha dan inisiatif dalam meningkatkan mutu kenderaan perdagangan / pengangkutan awam khasnya di Negeri Sabah ini tidak akan terhenti di sini sahaja malah akan terus diperkasakan pada masa hadapan. Akhir kata, segala usaha yang dilaksanakan dan kejayaan yang dikecapi adalah manifestasi kerjasama yang jitu diberikan oleh semua pihak. Semoga kualiti perkhidmatan dan pengangkutan awam negeri Sabah akan dapat dipertingkatkan dan setanding dengan kualiti perkhidmatan bertaraf dunia pada masa hadapan.

Ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan diberikan YB Datuk Raime bin Unggi, Pengerusi LPKP Sabah serta ahli-ahli lembaga LPKP Sabah di atas sumbangan dan idea kreatif dalam menambahbaik dasar-dasar sedia ada. Terima kasih juga diucapkan kepada seluruh warga LPKP Sabah di atas usaha dan komitmen yang ditunjukkan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam menjadikan LPKP sebuah organisasi yang berwibawa.

ARFIAN BIN JULIAN
PENGARAH / SETIAUSAHA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH



2. MAKLUMAT AHLI LEMBAGA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SABAH BAGI TAHUN 2018

Seksyen 6 Akta LPKP 1987 menetapkan bahawa LPKP Sabah terdiri daripada sebelas (11) orang anggota yang dilantik oleh Menteri iaitu:

- Pengerusi;
- Timbalan Pengerusi;
- Seorang wakil Kerajaan Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;
- Seorang wakil Jabatan Pengangkutan Jalan;
- Seorang wakil Kementerian Persekutuan dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkara yang berhubung dengan pelesenan kenderaan perdagangan yang hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga; dan
- Tidak lebih daripada enam orang lain yang pada pendapat Menteri mempunyai pengalaman luas atau pengetahuan khas mengenai perkara yang berhubung dengan pengangkutan.

Senarai Lengkap Ahli Lembaga LPKP Sabah bagi tahun 2018 adalah seperti di **Lampiran A.**



SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA LPKP SABAH BAGI TAHUN 2018

**YB RAIMEE BIN UNGGI
(PENGURUSI)**



**YB DATUK ROZMAN BIN DATUK HJ. ISLI
(TIMBALAN PENGURUSI)**



**ENCIK ARFIAN BIN JULIAN
(SETIAUSAHA)**





**YBHG. DATUK MICHAEL EMBAN
(AHLI LEMBAGA)**



**YBHG. DATO' HJ. MOHD. SHUHAILI
BIN MOHD. TAUFEK
(AHLI LEMBAGA)**




**YBHG. DATUK IR. CHIN SHU YING
(AHLI LEMBAGA)**

**YDH. TUAN SUPT. DINGKA BIN UTOH
(AHLI LEMBAGA)**



**ENCIK IBRAHIM @ JOHN BIN OTHMAN
(AHLI LEMBAGA)**



**YBHG. DATUK RAHMAH JAN SULAIMAN KHAN
(AHLI LEMBAGA)**





**PUAN NORAINI BINTI SULONG
(AHLI LEMBAGA)**



**YDH. TUAN DSP PARUM AK NIOT
(AHLI SILIH GANTI)**



**ENCIK SAINAL ABIDIN TALIBE
(AHLI SILIH GANTI)**

3. PIAGAM PELANGGAN LPKP SABAH

LPKP Sabah berjanji untuk memberi perkhidmatan yang mesra, cekap, berkualiti dan saksama kepada semua pelanggan. Semua permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat akan diproses dalam tempoh masa seperti berikut :

PERKARA	TEMPOH
• Permohonan Baru	30 hari bekerja
• Permohonan Membaharui	3 hari bekerja
• Ubah Syarat ○ Pertimbangan Lembaga ○ Pertimbangan Urusetia	30 hari bekerja 7 hari bekerja
• Permohonan Lesen Asal	1 hari bekerja



4. LAPORAN BAHAGIAN PELESENAN

4.1 MESYUARAT LEMBAGA

LPKP Sabah telah menetapkan sebanyak 12 kali Mesyuarat Lembaga diadakan pada tahun 2018 dan sebanyak 6 mesyuarat telah diadakan. Butiran rekod mesyuarat adalah seperti di **Lampiran D**.

4.2 PERMOHONAN LESEN

LPKP Sabah telah menimbang dan meluluskan permohonan lesen baru, membaharui lesen dan ubahsyarat lesen seperti yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) seperti berikut:

4.2.1 Permohonan Baharu

Sebanyak **903** permohonan dibawa ke Mesyuarat Lembaga LPKP Sabah bagi pertimbangan kelulusan untuk tahun 2018 berbanding **1,155** pada tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak **21%**. Daripada bilangan tersebut, sebanyak **821** permohonan diluluskan pada tahun 2018 berbanding sebanyak **888** permohonan diluluskan pada 2017. Penurunan ini disebabkan Mesyuarat Lembaga LPKP Sabah diadakan sebanyak 6 kali sahaja berbanding 8 kali pada tahun 2017. Perbandingan jumlah permohonan adalah seperti di **Jadual 3**.

4.2.2 Membaharui Lesen

Pada tahun 2018, bilangan permohonan membaharui lesen diterima adalah sebanyak **4,299** iaitu penurunan sebanyak 7% berbanding dengan **4,627** permohonan bagi tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, **2,751** permohonan telah diluluskan berdasarkan Piagam Pelanggan pada tahun 2018 berbanding **3,601** permohonan pada tahun 2017. Perbandingan jumlah permohonan adalah seperti di **Jadual 3**.

4.2.3 Ubah Syarat Lesen

Permohonan ubahsyarat lesen pada tahun 2018 adalah berjumlah **6523** berbanding **5,426** pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak 20%. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **4,535** permohonan ubahsyarat lesen telah diluluskan berdasarkan Piagam Pelanggan bagi tahun 2018 berbanding sebanyak **4,683** permohonan bagi tahun 2017. Perbandingan jumlah permohonan adalah seperti di **Jadual 3**.

Ringkasan maklumat berkenaan permohonan dan kelulusan lesen sepanjang tahun 2018 dan perbandingan dengan tahun 2017 berdasarkan Piagam Pelanggan LPKP Sabah adalah seperti di **Jadual 3**.

JADUAL 3

JENIS PERMOHONAN	2017		2018	
	BILANGAN		BILANGAN	
	TERIMA	LULUS	TERIMA	LULUS
Baru	1155	888	903	821
Membaharui	4627	3601	4,229	2751
Ubah Syarat	5426	4683	6,523	4535
JUMLAH	11,208	9,172	13,002	9,260

4.3 RAYUAN

Di bawah Seksyen 27, Akta LPKP 1987 (Akta 334) telah memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Lembaga terhadap permohonan lesen baru, membaharui lesen dan pembatalan lesen, boleh membuat rayuan kepada Menteri Persekutuan. Bagi tahun 2018 tiada rayuan permohonan yang diterima.

4.4 CETAKAN LESEN

Sepanjang tahun 2018, LPKP Sabah telah mendaftarkan sebanyak **1,690** unit lesen baru. Jumlah unit lesen yang didaftarkan **meningkat** sebanyak **392** unit atau **30%** berbanding tahun 2017 iaitu sebanyak **1,298**. Setiap unit lesen yang dikeluarkan akan dikira setelah kenderaan didaftar dan bayaran dijelaskan

4.5 KEDUDUKAN LESEN AKTIF

Sehingga 31 Disember 2018, lesen aktif yang kini berdaftar di LPKP Sabah adalah sebanyak **58,622** lesen. Perincian mengikut pecahan kelas lesen adalah seperti di **Jadual 4**.

JADUAL 4

KENDERAAN BARANGAN		KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM	
KELAS LESEN	JUMLAH LESEN	KELAS LESEN	JUMLAH LESEN
Lesen Pembawa 'A'	26,302	Teksi	3,287
Lesen Pembawa 'C'	13,426	Teksi Mewah	177
		Kereta Sewa	1,966
		Kereta Sewa Pandu	1,532
		Teksi Luar Bandar	114
		Teksi Lapangan Terbang	267
		Bas Berhenti-Henti	2,342
		Bas Eksespres	641
		Bas Sekolah	1,969
		Bas Pekerja	164
		Bas Catar	114
		Bas Kilang	8
		Bas Mini	2,291
		Bas Pengantara	22
JUMLAH	39,728	JUMLAH	18,894
JUMLAH KESELURUHAN			
58,622			

4.6 PENAMBAHBAIKAN DASAR-DASAR, PERATURAN DAN GARIS PANDUAN 2018

Sepanjang tahun 2018, LPKP Sabah telah memperkenalkan pelbagai dasar, kaedah dan peraturan baru seperti berikut:

- 1) Pekeliling LPKP Bil. 1/2018 - Syarat Khas Pada Lesen (Muka Hadapan), Surat Tawaran Kelulusan Permohonan Baharu Dan Surat Tawaran Kelulusan Permohonan Ubahsyarat
- 2) Pekeliling LPKP Bil. 2/2018 - Had Umur Kenderaan Perkhidmatan Awam Di Negeri Sabah Dan Wilayah Persekutuan Labuan
- 3) Pengecualian Pemakaian Seragam bagi Pemandu Teksi dan Kereta Sewa bagi Negeri Sabah dan W.P Labuan
- 4) Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pengangkutan Perdagangan) (Pindaan 2018)

4.7 PROGRAM-PROGRAM PROAKTIF LPKP SABAH TAHUN 2018

Bil	Aktiviti	Tarikh	Tempat
1	Majlis Dialog Di Antara LPKP Sabah dan Pengusaha Lori Negeri Sabah	9 Februari 2018	Kota Kinabalu
2	Bengkel Transformasi Industri Teksi Sabah	26 – 28 Februari 2018	Kota Kinabalu
3	Bengkel Transformasi Industri Teksi W.P Labuan	12 – 13 Mac 2018	W.P Labuan
4	Sesi Dialog dan Pertemuan di antara YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Persatuan Teksi Tawau	31 Mac 2018	Kota Kinabalu
5	Program Mesra Pelanggan Bersama Rakyat Daerah Sandakan	12 – 14 April 2018	Sandakan
6	Program Mesra Pelanggan Bersama Rakyat Daerah Tenom	24 – 25 April 2018	Tenom
7	Program Penyerahan Bantuan Kad Teksi 1Malaysia Peringkat Daerah Sandakan	26 April 2018	Sandakan
8	Program Penyerahan Bantuan Kad Teksi 1Malaysia Peringkat W.P Labuan	30 April 2018	W.P Labuan

Bil	Aktiviti	Tarikh	Tempat
9	Program Mesra Pelanggan Bersama Rakyat dan Program Penyerahan Bantuan Kad Teksi 1Malaysia Daerah Ranau	3 – 4 Mei 2018	Ranau
10	Program Penyerahan Bantuan Kad Teksi 1Malaysia Peringkat Kota Kinabalu	5 Mei 2018	Kota Kinabalu
11	Program Mesra Pelanggan Bersama Rakyat dan Program Penyerahan Bantuan Kad Teksi 1Malaysia Daerah Tawau	5 – 7 Mei 2018	Tawau
12	Sesi Dialog dan Perbincangan di antara LPKP Sabah dan Persatuan Teksi Sabah dan W.P Labuan	5 April 2018	Kota Kinabalu
13	Sesi Dialog dan Perbincangan dengan Persatuan Teksi Lapangan Terbang	8 Jun 2018	Kota Kinabalu
14	Sesi Dialog dan Perbincangan dengan Persatuan Teksi Lapangan Terbang bersama Grab	20 Julai 2018	Kota Kinabalu
15	Sesi Dialog dan Perbincangan dengan Persatuan Teksi Lapangan Terbang	19 Disember 2018	Kota Kinabalu



5. LAPORAN BAHAGIAN PENGUATKUASA

5.1 ADUAN DAN PENGUATKUASAAN

Aktiviti penguatkuasaan bagi memantau pematuhan dan pelaksanaan undang-undang serta peraturan Akta LPKP 1987 serta syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan dikalangan pemegang lesen sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Pelbagai operasi dan tindakan penguatkuasaan dengan kerjasama dari pelbagai pihak dirancang pada tahun 2018 secara berjadual. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti di **Lampiran E**. Sepanjang tahun 2018, rumusan aktiviti penguatkuasaan adalah seperti berikut :

- Sebanyak 19 operasi bersepadu antara agensi penguatkuasa telah dijalankan bersama agensi-agensi lain seperti JPJ, PDRM, AADK, JKJR, SPRM dan Pihak Berkuasa Tempatan. Operasi bersepadu di antara Ibu Pejabat LPKP Sabah bersama LPKP Cawangan Tawau dan Sandakan telah dilaksanakan sebanyak 9 kali operasi.



- Pemantauan ke atas pemandu-pemandu kenderaan perdagangan diadakan sebanyak 4 kali seminggu dan lawatan ke lokasi-lokasi yang bermasalah secara rutin dijalankan begitu juga dengan lokasi berdasarkan aduan ; dan



- Siasatan mengenai kenderaan perdagangan dan juga kesalahan pemilik lesen diadakan berdasarkan aduan orang ramai.



- LPKP Sabah telah menerima sebanyak 69 aduan awam yang melibatkan kenderaan perdagangan seperti mengenakan tambang berlebihan, menurunkan penumpang di tempat yang tidak dibenarkan dan pemandu yang tidak mematuhi peraturan jalan raya. Aduan-aduan diterima melalui laman media social (facebook), emel, telefon, surat dan secara terus di pejabat LPKP Sabah. Pengusaha dan pemandu yang terlibat telah dipanggil untuk sesi temusiasat. Amaran secara bertulis dikeluarkan supaya mereka tidak mengulangi kesalahan yang sama. Pecahan aduan mengikut kelas lesen adalah seperti di **Jadual 6** manakala tindakan penguatkuasaan yang diambil seperti di **Jadual 7**.

JADUAL 6

BILANGAN ADUAN YANG DITERIMA MENGIKUT KELAS LESEN 2018

Bil.	KELAS LESEN	BILANGAN ADUAN
1.	Lori Pembawa 'A'	20
2.	Lori Pembawa 'C'	13
3.	Bas Berhenti-Henti	11
4.	Bas Ekspres	12
5.	Bas Mini	-
6.	Bas Sekolah	2
7.	Bas Catar	2
8.	Bas Pengantara	-
9.	Kereta Sewa	-
10.	Kereta Sewa dan Pandu	-
11.	Teksi	6
12.	Teksi Mewah	-
13.	Teksi Lapangan Terbang	3
JUMLAH		69

Selain daripada aduan-aduan yang diterima, tindakan penguatkuasaan juga dijalankan. Sepanjang tahun 2018, jumlah tangkapan adalah sebanyak 843 untuk semua jenis kelas lesen. 423 daripadanya dikenakan tindakan kompaun, 100 dikeluarkan amaran dan 317 masih dalam siasatan. Perincian bilangan tangkapan mengikut kelas lesen dan jenis tindakan yang dikenakan dijelaskan dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7

**BILANGAN TANGKAPAN DAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN MENGIKUT KELAS
LESEN TAHUN 2018**

KELAS LESEN	BIL. TANGKAPAN	JENIS TINDAKAN TERHADAP TANGKAPAN					
		KOMPAUN	AMARAN	GANTUNG	BATAL	TUTUP KES/ BEBAS	DALAM SIASATAN
Lori Pembawa 'A'	605	300	67	-	-	-	238
Lori Pembawa 'C'	131	80	-	-	-	-	51
Bas Berhenti-Henti	60	40	20	-	-	-	-
Bas Ekspres	12	3	8	-	-	-	1
Bas Mini	21	-	5	-	-	-	16
Bas Sekolah	-	-	-	-	-	-	-
Bas Catar	3	-	-	-	-	-	3
Bas Pengantara	-	-	-	-	-	-	-
Kereta Sewa	11	-	2	-	-	-	8
Teksi	-	-	2	-	-	-	-
Teksi Mewah/Limosine	-	-	-	-	-	-	-
Teksi Lapangan Terbang	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	843	423	100	-	-	-	317

6. LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN


6.1 PERJAWATAN

Jumlah perjawatan yang telah diluluskan bagi LPKP Sabah sehingga 31 Disember 2018 adalah sebanyak **69** perjawatan dengan **62** pengisian dan **7** kekosongan pelbagai jawatan. Kedudukan perjawatan bagi tahun 2018 adalah seperti di **Lampiran C**.

6.2 JUMLAH HASIL


Jumlah pendapatan LPKP Sabah yang berakhir pada 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM 2,346,262.50 juta. Hasil utama pendapatan ini adalah jumlah kompaun terhadap pelesen-pelesen yang telah melanggar Akta LPKP, syarat-syarat lesen LPKP dan hasil daripada aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa serta fi proses pelesenan.

i. Perbandingan hasil dalam tempoh 5 tahun (2014-2018)



6.3 JUMLAH PERUNTUKAN & PERBELANJAAN (bagi tahun 2018)

Jumlah peruntukan yang diperuntukkan kepada LPKP Sabah bagi tahun 2018 ialah berjumlah RM 4,904,471.00 juta.



a. Perbandingan Jumlah Peruntukan dalam tempoh 5 tahun (2013-2017)



b. Perbandingan Jumlah Perbelanjaan dalam tempoh 5 tahun (2014-2018)



6.4 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

6.4.1 Prestasi Peruntukan

Sepanjang tempoh lima (5) tahun dari 2014 sehingga 2018 Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah telah menerima peruntukan daripada Kementerian Kewangan Malaysia sebanyak RM21,731,727.42 juta di bawah Belanja Mengurus (B06) Jabatan Perdana Menteri. Daripada jumlah agihan peruntukan tersebut sebanyak 64.41 peratus telah digunakan untuk membayar emolumen dan 35.03 peratus untuk perbelanjaan operasi Lembaga manakala 0.54 dan 0.03 peratus masing-masing untuk pembelian harta modal dan pemberian kenaan tetap.

Rajah 1
Perbandingan Peruntukan Dalam Tempoh 5 Tahun (2014 - 2018)
Mengikut Objek Belanja
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah




Rajah 2
Peratus Agihan Peruntukan Dalam Tempoh 5 Tahun (2014 - 2018)
Mengikut Objek Belanja Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah




6.4.2 Prestasi Perbelanjaan

Dalam tempoh yang sama Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah telah berbelanja sebanyak RM 20,945,148.04 Juta atau 96.38 peratus daripada peruntukan yang diberikan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 65.22 peratus adalah perbelanjaan untuk emolumen dan 34.22 peratus untuk perbelanjaan operasi jabatan manakala 0.56 peratus untuk pembelian harta modal.



6.4.3 Prestasi Kutipan Hasil

Dalam tempoh yang sama Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah telah mengutip hasil sebanyak RM 9,169,773.50 Juta yang mana daripada jumlah tersebut sebanyak 88.53 peratus adalah kutipan hasil daripada proses pelesenan manakala 11.47 peratus daripada kutipan kompaun ke atas kesalahan kenderaan perdagangan.



6.5 ASET YANG DIGUNAKAN

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah hanya mempunyai harta modal bernilai tinggi yang didaftarkan iaitu 7 unit kenderaan jabatan.

6.6 PUNCA-PUNCA KEWANGAN

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah merupakan agensi penuh badan kerajaan persekutuan dan menerima waran peruntukan tahunan daripada Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Belanja Mengurus B06 Jabatan Perdana Menteri dan berpindah kepada Kementerian Pengangkutan di bawah Belanja Mengurus B28 mulai bulan Oktober 2018.



7. PROSPEK

LPKP Sabah akan terus komited dalam memastikan peranan dan fungsinya kekal relevan dalam industri pengangkutan darat yang mengalami perubahan yang pantas. Sebagai sebuah agensi yang menentukan hala tuju dan corak industri pengangkutan darat, adalah menjadi tanggungjawab LPKP Sabah untuk memastikan industri ini bukan sahaja dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negeri Sabah, malah turut memenuhi kehendak penduduk setempat yang sentiasa meningkat dalam mengidamkan sebuah sistem perkhidmatan pengangkutan awam darat yang efisien, berkualiti, selamat, dan berkos efektif. Sebagai sebuah negeri pelancongan yang kaya dengan sumber semulajadi juga, sistem pengangkutan awam darat yang cekap dan terangkum turut menjadi perangsang kepada kemasukan pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara.

Penambahbaikan yang berterusan akan terus dilaksanakan sejajar dengan prinsip “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” dalam memperkukuhkan lagi keyakinan rakyat dan stakeholders yang terlibat terhadap peranan dan fungsi yang dijalankan oleh LPKP Sabah. Penambahbaikan dalam perkhidmatan pengangkutan awam yang dimaksudkan dijalankan melalui pengemaskinian sistem berteraskan ICT, kajian-kajian seperti kajian semula dasar-dasar sedia ada, rangkaian laluan, keperluan pengangkutan awam, dan prosedur operasi, serta kerjasama erat dalam program atau aktiviti yang melibatkan pihak berkepentingan selaras dengan prinsip *National Blue Ocean Strategy* (NBOS).

Pendekatan NBOS khususnya dalam aktiviti penguatkuasaan akan terus dipertingkatkan dan dipergiatkan melalui operasi bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan dalam memastikan peraturan seperti yang termaktub di dalam Akta LPKP 1987 (Akta 334) dipatuhi oleh pengusaha pengangkutan awam dan kenderaan barangan. Kerjasama erat dan menyuluruh daripada pelbagai agensi ini telah terbukti dalam peningkatan tangkapan kes salah laku dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kos operasi.

8. PENUTUP

LPKP Sabah sentiasa mengambil inisiatif untuk meningkatkan sistem penyampaian serta memastikan pengangkutan awam dan barangan sentiasa cekap dan berkesan dalam memenuhi aspirasi kerajaan dan tuntutan pengguna. Pelbagai dasar baru telah dirangka untuk mewujudkan usahawan kenderaan perdagangan yang berdaya maju, berdaya saing berdaya tahan bagi menghadapi sebarang cabaran.

Dalam usaha merealisasikan matlamat yang telah digariskan, LPKP Sabah turut berdepan dengan berbagai cabaran. Isu-isu tempatan dan nasional yang dihadapi telah dapat ditangani dengan sebaik mungkin, tanpa mangabaikan kepentingan pengguna dan selari dengan dasar serta undang-undang yang telah ditetapkan.



9. **MAKLUMAT PERHUBUNGAN LPKP SABAH**

- **LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SABAH
IBU PEJABAT, KOTA KINABALU**

Pengarah,
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah,
Tingkat 4, Blok C dan D,
Bangunan KWSP,
49, Jalan Karamunsing,
88000 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel: 088- 238244/245
Faks: 088- 238144
Laman Web : <http://www.lpkpsabah.gov.my>

- **LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SABAH
CAWANGAN SANDAKAN**

Ketua Cawangan,
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah,
Cawangan Sandakan,
Blok A4, Lot 10, Bandar Labuk Jaya,
Batu 7, Jalan Labuk,
Peti Surat 3630,
90740 Sandakan.
Tel: 089- 238244
Faks: 089- 238245

- **LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SABAH
CAWANGAN TAWAU**

Ketua Cawangan,
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah,
Cawangan Tawau,
TB 4506, Blok D,
Pusat Komersial Ba Zhong,
Peti Surat No.62124,
91031 Tawau.
Tel : 089-759987
Faks : 089-759976

LAMPIRAN



LAMPIRAN A
SENARAI AHLI LEMBAGA LPKP SABAH 2018

BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIKAN	TARIKH TAMAT
1.	YB Datuk Raime Bin Unggi	Pengerusi LPKP Sabah	21.10.2017	20.10.2019
2.	YB. Datuk Rozman Bin Datuk Haji Isli	Timb. Pengerusi LPKP Sabah / Pengerusi Perbadanan Labuan	02.05.2017	01.05.2019
3.	Tuan Arfian Bin Julian	Pengarah LPKP Sabah / Setiausaha	02.05.2016	
4.	YBhg. Datuk Michael Emban	Ahli/ Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Infrastruktur (Kpi) Caw. Sabah	01.12.2017	30.11.2019
5.	Tuan Haji Sadim Bin Haji Abdul	Pengarah JPJ Sabah / Ahli	01.01.2018	31.12.2019
6.	Tuan. Supt. Mohd Zamzuri Bin Mohd Isa	Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik IPK KK / Ahli	01.11.2017	31.10.2019
7.	Ybhc. Datuk Ir. Chin Shu Ying	Ahli	01.09.2016	31.08.2018
8.	Kosong	-	-	-
9.	En Ibrahim @ John Bin Othman	Ahli	02.05.2017	01.05.2019
10.	Pn Noraini Bin Sulong	Ahli	01.12.2017	30.11.2019
11.	Tuan Hj Hamidin Bin Hj Radin	Ahli	01.02.2018	31.01.2020


SENARAI AHLI SILIH GANTI LPKP SABAH BAGI TAHUN 2018

BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIKAN	TARIKH TAMAT
1.	DSP Parum Ak Niot	Timb. Ketua Jabatan Siasatan & Penguatkuasaan Trafik IPK KK / Ahli Silih Ganti	15.12.2017	14.12.2019
2.	Tuan Mohd. Rafie Bin Isa	Pegawai Penguatkuasaan JPJ / Ahli Silih	20.09.2017	19.09.2019
3.	Tuan Sainal Abidin Bin Talibe	Pengurus PUSPAKOM Kota Kinabalu / Ahli Silih Ganti	17.10.2016	16.10.2018
4.	ASP Daniel Dominic	Bahagian Siasatan & Penguatkuasaan Trafik IPD KK / Ahli Silih Ganti	15.02.2017	14.02.2019



LAMPIRAN B

CARTA ORGANISASI KESELURUHAN LPKP SABAH TAHUN 2018



LAMPIRAN C

**RINGKASAN BILANGAN PERJAWATAN, PENGISIAN DAN KEKOSONGAN
DI LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH
MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2018**

Bil.	Jawatan	Gred Jawatan	Bil. Jawatan	Diisi	Kosong
LPKP SABAH, IBU PEJABAT KOTA KINABALU					
1.	Pengarah	M48	1	1	0
2.	Penolong Pengarah	M41/M44	2	2	0
3.	Pegawai Penguatkuasa	KP41/KP44	1	1	0
4.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1	0
5.	Penolong Pegawai Penguatkuasa	KP32	1	1	0
6.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA32	1	1	0
7.	Penolong Akauntan	W32	1	1	0
8.	Penolong Pegawai Tadbir	N29/N32	1	1	0
9.	Penolong Pegawai Penguatkuasa	KP29/KP32	2	2	0
10.	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	2	2	0
11.	Pembantu Tadbir (Kew)	W22	1	1	0
12.	Pembantu Tadbir (P/O) KUP	N19/N22	1	1	0
13.	Pembantu Tadbir (P/O)	N19/N22	19	19	0
14.	Setiausaha Pejabat	N19/N22	1	1	0
15.	Pembantu Penguatkuasa	KP19/KP22	2	2	0
16.	Pembantu Tadbir (Kew)	W19/W22	3	2	1
17.	Juruteknik Komputer	FT19/FT22	1	1	0
18.	Pembantu Am Pejabat	N11	1	1	0
19.	Pembantu Operasi	N11/N14	1	1	0
20.	Pemandu Kenderaan	H11/H14	2	2	0

Cawangan Tawau					
21.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1	0
22.	Penolong Pegawai Penguatkuasa	KP29/KP32	1	1	0
23.	Pembantu Tadbir (P/O)	N22/N26	1	1	0
24.	Pembantu Penguatkuasa	KP22/KP26	1	0	1
25.	Pembantu Tadbir (P/O)	N19/N22/N26	4	3	1
26.	Pembantu Penguatkuasa	KP19/ KP22/KP26	2	1	1
27.	Pembantu Operasi	N11/N14	1	1	0
28.	Pemandu Kenderaan KUP	H11/H14/H16	1	0	1
Cawangan Sandakan					
29.	Penolong Pegawai Tadbir	N32/N36	1	1	0
30.	Penolong Pegawai Penguatkuasa	KP29/ KP32/KP38	1	0	1
31.	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	1	1	0
32.	Pembantu Penguatkuasa	N22	1	1	0
33.	Pembantu Tadbir (P/O)	N19/N22	4	4	0
34.	Pembantu Penguatkuasa	KP19/KP22	2	1	1
35.	Pembantu Operasi	N11/N14	1	1	0
36.	Pemandu Kenderaan KUP	H11/H14/H16	1	1	0
JUMLAH KESELURUHAN			69	62	7

LAMPIRAN D

MESYUARAT LEMBAGA LPKP SABAH TAHUN 2018

BIL	MESYUARAT	TEMPAT	TARIKH
1	Mesyuarat Lembaga Bil 1/2018	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	10 Jan 2018
2	Mesyuarat Lembaga Bil 2/2018	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	19 Feb 2018
3	Mesyuarat Lembaga Bil 3/2018	Bangunan Parlimen Malaysia	22 Mac 2018
4	Mesyuarat Lembaga Bil 4/2018	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	26 Jun 2018
5	Mesyuarat Lembaga Bil 5/2018	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	25 Julai 2018
6	Mesyuarat Lembaga Bil 6/2018	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	11 Dis 2018



LAMPIRAN E

AKTIVITI PENGUATKUASAAN LPKP SABAH TAHUN 2018

Bil	Bulan	Aktiviti
1.	Januari	24 Jan – Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi 31 Jan – Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi
2.	Februari	5 – 7 Feb – Operasi Bersepadu Antara LPKP (Sandakan & Tawau) 11 Feb – Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi 19 – 21 Feb – Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi 20 – 22 Feb _ Operasi Bersepadu Antara LPKP (Sandakan & Tawau)
3.	Mac	6 Mac – Operasi Bersepadu Antara LPKP (Sandakan & Tawau) 10 Mac - Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi 27 – 28 Mac – Operasi Bersepadu Antara LPKP (Sandakan & Tawau) 29 Mac – Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi
4.	April	10 April – Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi
5.	Mei	6 – 7 Mei – Operasi Bersepadu Antara LPKP (Sandakan & Tawau)
6.	Jun	12 – 13 Jun – Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi 16 Jun – Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi 22 Jun – Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi 27 Jun – Operasi Bersepadu bersama Majlis Daerah Penampang
7.	Julai	10 Jul – Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi 11 – 12 Jul – Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi

Bil	Bulan	Aktiviti
		29-31 Jul – Operasi Bersepadu Antara LPKP (Sandakan & Tawau)
8.	Ogos	2 – 3 Ogos – Operasi Bersepadu Antara LPKP (Sandakan & Tawau) 18 – 19 Ogos – Operasi Bersepadu Antara LPKP (Sandakan & Tawau) 27 Ogos – Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi
9.	Oktober	4 Okt – Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi 10 Okt – Operasi Bersepadu Antara LPKP (Sandakan & Tawau) 13 Okt – Operasi Bersepadu bersama Majlis Daerah Penampang 23 Okt – Operasi Bersepadu bersama Majlis Daerah Penampang 29 – 31 Okt – Audit Syarikat / Pemegang Lesen di Kota Kinabalu
11.	November	5 Nov – Audit Syarikat / Pemegang Lesen di Kota Kinabalu
12.	Disember	2 – 3 Dis – Audit Syarikat / Pemegang Lesen di Kota Kinabalu



